

BAB ENAM

RUMUSAN

Penanaman padi adalah kegiatan utama penduduk di Asia Tenggara sejak dari zaman kerajaan-kerajaan awal lagi dan masih kekal hingga sekarang. Aktiviti ini terus menjadi penyumbang makanan penduduk dan eksport utama negara. Di Thailand, sehingga ke hari ini sektor padi masih lagi menjadi pekerjaan lebih dari 60% penduduk negaranya.

Penanaman padi di Thailand boleh dibahagikan kepada dua sektor, iaitu sektor pasaran dan sektor sara diri. Penanaman padi di kawasan untuk sektor pasaran adalah dibantu oleh sistem pengairan yang berskel besar seperti yang wujud di Kawasan Tengah. Penanaman padi sektor sara diri, kebanyakannya ditanam di bahagian lain seperti di Bahagian Timur Laut, Utara dan Selatan Thailand. Pengeluaran sara diri ini secara mudah membayangkan keadaan cukup untuk keperluan sendiri dan keluarga sahaja.

Kajian terhadap masyarakat Melayu di Mubaan thi

saam yang terletak dalam Changwat Narathiwat ini, dapat memberikan satu gambaran yang agak jelas tentang aktiviti penanaman padi bagi sebahagian besar kaum tani Melayu di Selatan Thailand. Melalui kajian ini, khususnya dalam bab dua, diperjelaskan masyarakat Melayu yang berada di Changwat Narathiwat dalam keadaan seolah-olah tersisih dari kemajuan negara ini. Mereka berada dalam keadaan mundur dari pelbagai segi, baik ekonomi, politik maupun sosial. Contohnya pendapatan per kapita orang Melayu di Selatan Thailand antara yang terendah berbanding dengan wilayah-wilayah lain. Taraf pendidikan rendah, kebolehan berbahasa Thai juga rendah seperti yang wujud di lokasi kajian, tidak membolehkan mereka menjawat jawatan tinggi dalam pentadbiran kerajaan. Keadaan ini berlaku kesan dari perjanjian Bangkok pada tahun 1909, di mana wujud perbezaan agama dan bangsa antara rakyat dan pemerintah. Dengan peluang pekerjaan yang agak tertutup, bermakna mereka terpaksa berdikari untuk hidup dengan usaha dan tenaga sendiri.

Dalam bab tiga pula dijelaskan corak kehidupan masyarakat dari sudut sosial dan ekonomi. Masyarakat Melayu dalam rantau ini masih tebal dengan adat dalam kehidupan mereka. Menghormati golongan tua, pemimpin, orang berilmu dan orang yang baik hati adalah antara moral, norma dan nilai yang menjadi amalan mereka. Begitu juga dari sikap tolong menolong, baik dalam aktiviti ekonomi atau sosial antara

anggota masyarakat, menjadikan hubungan sosial mereka amat erat sekali. Budaya kerjasama dan tolong menolong inilah yang mewujudkan unsur kerjasama dalam budaya penanaman padi.

Corak ekonomi masyarakat adalah berdikari. Struktur pekerjaan yang mereka lakukan agak sukar untuk ditentukan. Mereka tidak menumpukan kepada satu pekerjaan sebaliknya melakukan beberapa pekerjaan dalam satu masa dan sebahagian besar tidak pernah mengabaikan tananam padi. Penduduk *mubaan* ini telah mengamalkan pertanian padi sejak zaman berzaman, secara saradiri, yang disambulkan dengan beberapa kegiatan saradiri lain, selaras dengan statusnya sebagai komuniti tani.

Masyarakat di *mubaan* ini mempunyai aturan yang menentukan pekerjaan seseorang mengikut jantina. Pembahagian tenaga kerja di antara jantina adalah suatu sifat sistem ekonomi sejagat, yang juga diamalkan di *mubaan* ini. Sejak kanak-kanak lagi mereka diajar untuk menjalankan kerja yang akan diberikan kepada mereka apabila mereka dewasa kelak. Umumnya kaum lelaki menjalankan kerja yang berat dan kerap kali terpaksa meninggalkan rumah. Kaum perempuan sebaliknya diberikan kerja yang lebih ringan dan boleh dilakukan di sekitar rumah. Dengan itu petani akan menjalankan kerja-kerja penyediaan tapak semaihan dan petak sawah, manakala isterinya akan melakukan kerja-kerja menabur benih, mencabut semaihan, mencedong dan mengetam padi. Pembahagian kerja

menyebabkan petani mempunyai lebih banyak peluang untuk melakukan aktiviti lain untuk sumber pendapatan.

Walaupun pada awal abad ke-20 tanaman baru, iaitu getah mula diperkenalkan, kemasukan tanaman baru ini tidak mengubah perhatian petani Melayu terhadap tanaman padi. Mereka menerima tanaman getah sebagai kegiatan sumber pendapatan, dan pada masa yang sama penanaman padi sebagai sumber asas makanan tidak mereka tinggalkan. Bagi mereka, tanaman padi adalah sumber kehidupan diri dan keluarga.

Penanaman padi oleh kaum tani Melayu di mubaan ini mempunyai corak yang seakan-akan sama dengan komuniti luar bandar di kebanyakan kawasan di Asia Tenggara. Masyarakat di sini mempunyai cara untuk memperolehi pengeluaran dari punca semula jadi bagi memenuhi keperluan mereka.

Sudah diketahui umum bahawa tanah adalah punca penting bagi pengeluaran. Masyarakat Melayu di sini, juga secara umumnya dalam rantau Melayu ini, terdapat sistem yang menentukan hak pemilikan dan pengerajan tanah. Sistem tersebut adalah pembahagian tanah pusaka yang dibuat mengikut hukum Islam, yang memberikan hak kepada seseorang petani untuk mengerjakan tanahnya sendiri. Walau bagaimanapun, bagi penduduk yang tidak mempunyai tanah, mereka juga boleh mengerjakan penanaman padi di atas tanah orang lain. Pengerajan di atas tanah milik orang lain ini dapat dilakukan mengikut sistem yang diwujudkan oleh anggota masyarakat yang

dinamakan sistem pawah. Sistem ini membenarkan pengeraian tanah milik orang lain dengan cara pembahagian hasil yang akan diperolehi mengikut perjanjian yang dipersetujui.

Walaupun penanaman padi di *Mubaan thi saam* ini berorientasikan saradiri, tidak semestinya para petani menolak semua teknologi pertanian moden. Dahulunya binatang ternakan seperti kerbau adalah punca tenaga untuk membajak sawah. Namun, semenjak hampir dua dekad ke belakang, pembajakan sawah tidak lagi menggunakan kerbau, sebaliknya diganti dengan penggunaan jentera ringan. Penggunaan 'kerbau besi' diterima pakai kerana teknologi ini lebih praktikal. Pengeraian sawah tidak lagi terikat dengan masa untuk haiwan rehat, makan dan tidur. Jentera ini tidak semesti dibeli oleh seseorang petani, tetapi mereka boleh meminjam dari saudara-mara yang mempunyainya.

Dalam aktiviti penanaman padi ini, baja kimia juga digunakan oleh kaum tani tetapi dalam jumlah yang sedikit. Walau bagaimanapun, mereka secara total, menolak penggunaan racun kimia. Dengan keadaan ekologi sawah yang bersih dari sebarang racun, persekitaran ini juga dapat membekalkan sumber protein yang mudah dan tidak perlu dibeli. Sumber makanan ini adalah ikan, siput dan spesis tumbuhan yang boleh dimakan seperti keladi.

Penanaman padi yang dijalankan oleh penduduk *Mubaan thi saam* masih lagi dipengaruhi oleh unsur ritual dan pantang

larang. Unsur kepercayaan magis ini adalah satu cara untuk mengurangkan perasaan cemas, takut dan was-was yang dirasai oleh sesorang individu. Melalui amalan ini, mereka dapat menunjukkan harapan dan perasaan mereka terhadap tanaman padi sebagai tanaman makanan supaya tidak dilanda penyakit, subur dan berbuah lebat.

Dengan mengamalkan ritual dan pantang larang, mereka akan berasa senang hati dan harapan mereka terhadap tanaman ini akan menjadi. Selaku masyarakat yang beragama Islam, masyarakat Melayu di mubaan ini tidak menaruh kepercayaan kepada kuasa 'orang bendang', 'penjaga padi' dan 'penjaga bendang' bahawa kuasa inilah yang menentukan padi mereka menjadi atau tidak. Segala yang dilakukan ini hanyalah usaha dan ikhtiar. Sekiranya segala usaha dan ikhtiar ini telah dilakukan, namun tanaman mereka tidak menjadi, mereka berserah kepada Tuhan kerana Tuhan yang menentukan segala-galanya. Dengan demikian, setiap peringkat, bermula dengan peringkat penentuan hari untuk memulakan penanaman sehingga padi diproses untuk dimakan akan didahului oleh ritual dan pantang larang.

Kajian yang dibuat ini menunjukkan masyarakat tani di *Mubaan thi saam* memberi tumpuan yang besar kepada tanaman padi walaupun aktiviti ini dilakukan secara kecil-kecilan. Pengetahuan mereka dalam tanaman ini begitu mendalam. Penanaman padi begitu mustahak dan menjadi aktiviti

sebahagian besar masyarakat. Dengan ini, dapat dikatakan penanaman padi mempunyai peranan yang besar dalam kehidupan masyarakat tani di mubaan ini. Mereka seolah-olah tidak boleh hidup tanpa melibatkan peranan tanaman padi yang begitu besar.

Peranan aktiviti penanaman padi dalam sosioekonomi mubaan ini adalah jelas; padi adalah sumber makanan utama mereka dari dahulu, kini dan selamanya. Semua hasil padi yang diperolehi disimpan untuk kegunaan sendiri, bukannya untuk pasaran. Aktiviti penanaman padi yang dikerjakan, pertimbangan utama bukanlah untuk menghasilkan lebihan yang banyak, tetapi bagi keperluan keluarga dan untuk penanaman musim berikutnya.

Masyarakat tani Melayu seperti di *Mubaan thi saam* melihat aktiviti penanaman padi sebagai satu-satunya sumber hidup mereka yang pasti. Mereka tidak berani bergantung kepada sumber lain kerana pendapatan yang diperolehi tidak tetap dan tidak memadai. Perbelanjaan makanan sesebuah keluarga adalah beras, ikan, sayur-sayuran, gula, minyak masak rempah, bawang dan sebagainya. Sebahagian besar kaum tani di sini bergantung kepada pendapatan harian seperti menoreh getah dan mengambil upah yang selalunya tidak tetap. Penorehan getah hanya boleh dilakukan jika hari tidak hujan. Harga getah juga boleh turun naik dengan mendadak mengikut permintaan dunia. Dalam kes apabila bekalan makanan tidak

ada, maka ia merupakan dua pertiga dari belanjawan keluarga. Ini menunjukkan bekalan beras yang dikeluarkan sendiri amat perlu sebagai asas kehidupan, dalam keadaan sumber pendapatan yang diperolehi tidak banyak.

Dengan situasi ini, petani Melayu mesti mengambil kira ketidakpastian yang besar untuk menjamin sumber makanan keluarga. Ketidakpastian ini juga timbul dari risiko pekerjaan yang mereka lakukan. Risiko ini boleh terjadi dari gangguan terhadap kesihatan tubuh badan, bencana perang, dan bencana alam. Dengan adanya simpanan padi para petani tidak akan berasa bimbang dengan risiko kehidupan yang mungkin terjadi. Faktor-faktor inilah menjadikan aktiviti penanaman padi terus menjadi agenda utama dalam sosioekonomi masyarakat Melayu luar bandar di Selatan Thailand.

Selain dari peranan tanaman padi sebagai sumber makanan utama, ia juga menjadi sumber pendapatan kepada segelintir anggota masyarakat. Walaupun, peluang mengambil upah dalam aktiviti penanaman padi sangat kecil tetapi ia tetap wujud. Oleh itu, peluang ini diambil oleh segelintir anggota masyarakat sahaja. Peluang yang wujud hanya semasa penyediaan tapak sawah, mencabut dan mencedong semaihan memberi kelebihan kepada anggota masyarakat yang mempunyai jentera membajak, suri rumah yang mengerjakan tanaman padi di atas tanah yang kecil. Apabila pengeraaan ke atas tanah sendiri telah siap, mereka berpeluang mengambil upah dalam

aktiviti ini. Oleh kerana peluang di *mubaan* ini kecil sahaja, mereka juga mencari peluang tersebut di negara lain seperti Malaysia.

Aktiviti penanaman padi juga memainkan peranan yang penting dalam hubungan sosial. Kerjasama dalam penanaman padi yang wujud bermula dari peringkat permulaan sehingga aktiviti tanaman ini selesai menyaksikan peranan aktiviti ini dalam mewujudkan hubungan sosial. Unsur kerjasama ini dapat dilihat dari mesyuarat untuk memulakan aktiviti penanaman, saling memerhatikan tanaman semasa tempoh pembesaran dan yang paling utama adalah kerjasama tenaga kerja.

Budaya saling membantu dan kerjasama dalam penanaman padi wujud juga disebabkan beberapa faktor sosial. Antaranya adalah hubungan persaudaraan. Unsur kekeluargaan ini menjadikan kegiatan secara kerjasama senang didapati. Semangat kejiranan pula menjadi asas yang kukuh dalam mewujudkan kerjasama seperti yang berlaku dalam aktiviti penanaman padi di *mubaan* ini. Kedudukan tanah sawah yang berdekatan antara satu sama lain juga menjadi lebih senang untuk saling bantu-membantu walaupun mereka tidak mempunyai hubungan persaudaraan. Selain dari ketiga-tiga faktor tersebut terdapat satu unsur yang lebih penting iaitu agama Islam telah mengajar mereka mengenai erti dan kepentingan sikap kerjasama dalam hidup bermasyarakat.

Salah satu institusi kerjasama dalam aktiviti

penanaman padi ialah 'berderau' atau kebanyakan pengkaji mendefinisikan sebagai 'an intitutionalized form of exchange labour'. Ini dilakukan secara timbal balik atau balas membala dalam menyelesaikan satu-satu peringkat dalam penanaman padi. Ia biasa dilakukan oleh keluarga tani dalam kategori 'pemilik-pengerja' kerana mereka mempunyai hubungan 'symmetrical relation' atau setaraf. Dasar institusi kerjasama ini adalah khidmat dibayar khidmat.

Satu lagi aktiviti kerjasama ini adalah institusi 'pinjam' iaitu menghulurkan bantuan tanpa mengharapkan balasan. Institusi ini mampu mewujudkan kerjasama kepada anggota masyarakat yang tidak mampu untuk membala bantuan yang dihulurkan oleh orang lain. Walaupun sesebuah keluarga itu tidak mampu membala dalam bentuk tenaga, tetapi, kebaikan orang yang menolongnya itu akan tetap dibalas. Keluarga tersebut akan menyediakan makanan kepada jiran-jiran yang membantunya. Pepatah "buat baik dibalas baik" tetap menjadi pegangan masyarakat Melayu khususnya di dalam masyarakat tani luar bandar.

Sebahagian besar kerja-kerja menanam padi dan menuai dilakukan secara 'berderau' dan 'pinjam' walaupun kerjasama secara pimjam orang tidak seramai yang menggunakan institusi 'pinjam'. Ini dengan mudah sahaja dapat diperaktiskan kerana semangat kerjasama dan sepakat masih kukuh di kalangan masyarakat luar bandar. Di samping itu

tidak banyak perbezaan dari segi keluasan tanah yang dikerjakan. Jelas disini bahawa institusi 'berderau' dan 'pinjam' adalah institusi sosioekonomi yang wujud dalam aktiviti penanaman padi dapat menyatukan masyarakat tani.

Berdasarkan kajian ini, penanaman padi di *Mubaan thi saam* akan terus kekal sebagai penyumbang makanan utama kaum tani di sini. Aktiviti penanaman padi akan menjadi pekerjaan warisan kepada anak-anak penduduk seperti mana bapa mereka mewarisi dari orang tuanya. Peranan aktiviti penanaman padi tidak hanya sebagai aktiviti sumber makanan, sumber pendapatan tetapi juga sebagai mekanisme untuk menghubungkan anggota masyarakat dalam bentuk kerjasama, yang mana unsur ini sangat penting untuk perpaduan dan keharmonian di kalangan anggotanya.

Seterusnya sebagai sebagai penutup kepada kajian ini, dijelaskan juga secara umum mengenai tanggungjawab kerajaan Thailand berkaitan dengan penanaman padi. Pihak kerajaan memang menyokong kegiatan penanaman padi untuk kegunaan sendiri dan ia akan dikekalkan. Objektif kerajaan 'self-sufficiency as a goal' memberi kebaikan kepada rakyat dan negara.

Pihak kerajaan Thailand melalui beberapa agensi yang berkaitan juga berusaha untuk meningkat tanaman padi oleh penduduknya. Selain dari padi sebagai sumber pendapatan negara, kerajaan Thailand juga menitikberatkan keperluan asas

nan penduduk. Satu anisiatif dalam pertengahan tahun -an telah diambil untuk memperbaiki taraf hidup arakat luar bandar adalah mengadakan Rancangan Pembangunan Tambon (Program Pembangunan Tambon). Program yang incarkan pada tahun 1975 ini mengambil peruntukan sejumlah dari belanjawan negara. Sebagaimana diperkenalkan oleh Iana Menterinya M.R. Kukrit Pramoj pada bulan Mac 1975, ian perlaksanaan Program Pembangunan Tambon adalah untuk bantuan kaum tani di luar bandar meningkatkan pendapatan. Program ini menyediakan peruntukan untuk penggalian taliair, binaan empangan kecil dan sebagainya.

Selain dari program pembangunan dan polisi, ajaan juga telah bertindak mewujudkan pusat-pusat penyelidikan. Sun suksa kanpatthana phikunthong (Pusat Pembangunan Phikunthong) adalah gabungan 23 agensi kerajaan untuk memberikan nasihat kepada penduduk dengan cara demonstrasi kaedah dan teknik moden. Pusat pembangunan ini dibubuhkan pada 6 Januari 1982 atas anisiatif Raja Bhumipol Anyadet. Penubuhan pusat kajian ini sebagai tempat untuk mengendalikan penyelidikan dan eksperimen dalam kaedah dan teknologi moden khususnya untuk keperluan pembangunan negarian Selatan Thailand.